

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HFA 101 Pengantar Falsafah

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN  
DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Untuk Socrates, apakah asas moraliti manusia? Mengapa Socrates berpendapat demikian? Adakah anda bersetuju dengan pandangan Socrates?
2. Apakah perkara dan persoalan yang ingin dijelaskan dan diselesaikan oleh Plato mengenai ilmu manusia dalam teori Idea atau Bentuknya? Untuk anda, adakah teori Idea Plato berjaya menjelaskan dan menyelesaikan semua perkara dan persoalan yang berkaitan dengan ilmu manusia?
3. Ibn Sina dikenali sebagai ahli falsafah pertama mengemukakan konsep *wajib al-wujud* atau wujud wajib. Jelas dan bincangkan secara analitik konsep ini dan kepentingannya dalam pemikiran falsafah Islam.
4. Berdasarkan *Kitab fasl al-maqal* Ibn Rushd, jelas dan bincangkan secara analitik pandangan beliau mengenai falsafah dan kepentingan bidang ini untuk agama. Adakah anda bersetuju dengan pandangan Ibn Rushd?
5. Jelas dan bincangkan pandangan Sankara mengenai *Brahman* dan kejadian *maya*. Adakah *Brahman* dan *maya* sama atau berbeza?
6. Apakah pandangan Sartre mengenai hakikat diri manusia dan kebebasan manusia? Bagaimanakah kedua-dua perkara ini berkaitan dalam pemikiran existentialisme Sartre? Jelas dan bincangkan.

--oo000oo--